

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama Audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak wajar dan kerugian wang awam.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap dua bidang utama audit seperti berikut:
 - pengauditan perbelanjaan telah dijalankan di satu jabatan negeri, iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan; dan
 - pengauditan hasil dijalankan di dua agensi negeri, iaitu Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Mas.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang, perjanjian dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- **Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**
 - bayaran peruntukan kepada Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan untuk pelaksanaan program berjumlah RM1.39 juta tidak dibelanjakan; dan
 - perbelanjaan tidak dilaksanakan sebagaimana kelulusan permohonan berjumlah RM76,372.

- **Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan**
 - tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan sejumlah RM18.54 juta tidak dikutip; dan
 - penalty/ta'widh sejumlah RM4.32 juta tidak dikutip.
- **Majlis Daerah Pasir Mas**
 - tunggakan sewaan premis sejumlah RM7.82 juta tidak dapat dikutip oleh MDPM; dan
 - caj notis sejumlah RM17,920 bagi tuntutan hasil sewaan tertunggak tidak dikutip.
- **Apa yang disyorkan Audit?**
 - Bagi memastikan tindakan pematuhan terhadap peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:
 - **Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**
 - memastikan peruntukan yang diluluskan dibelanjakan oleh U-KeKwa bagi melaksanakan program dalam tahun kewangan yang dimohon sebagaimana Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita;
 - memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut program yang diluluskan sebagaimana Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita; dan
 - mengkaji semula kaedah pembayaran peruntukan bagi melaksanakan program yang dibuat melalui PKWK dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan memandangkan kesukaran Pejabat SUK untuk membuat pemantauan kerana badan ini merupakan sebuah NGO.
 - **Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan**
 - memperkemaskan dan mewujudkan proses kerja tindakan terhadap syarikat Pemaju yang gagal membayar sumbangan hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan;

- mengkaji semula mekanisme kutipan sumbangan hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan secara komprehensif; dan
- mengambil tindakan undang-undang dan menguatkuasakan klausa perjanjian yang telah ditandatangani.

- **Majlis Daerah Pasir Mas**

- mengemaskini proses kerja aliran kutipan hasil sewaan dengan lebih terperinci selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa;
- mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan hasil dan tunggakan sewaan yang belum berjaya dikutip;
- mengemas kini semua rekod hasil tertunggak dan melaksanakan pemantauan menyeluruh supaya setiap penghutang dapat dikenal pasti dan seterusnya tunggakan sewaan dapat dikutip sepenuhnya; dan
- mewujudkan mekanisme penguatkuasaan bagi mengelakkan ketidakpatuhan dalam kontrak perjanjian.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGENALAN

1. Pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri telah diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
2. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan telah menetapkan tema pengauditan pematuhan meliputi perbelanjaan dan hasil. Pengauditan perbelanjaan telah dijalankan di satu jabatan negeri, iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Pengauditan hasil pula dijalankan di dua agensi iaitu Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Mas. Senarai pengauditan pematuhan bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2021

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2.	Sumbangan Hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan
3.	Kutipan Hasil Sewaan Premis	Majlis Daerah Pasir Mas

Sumber: Jabatan Audit Negara